

>> BERITA > NASIONAL > Urus negara dalam situasi sukar satu penghargaan: Ismail Sabri

Urus negara dalam situasi sukar satu penghargaan: Ismail Sabri

|| 16 Ogos 2021



Ismail Sabri turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua pihak dan memohon maaf sekiranya ada kekhilafan sepanjang perkhidmatan beliau. Foto FB Ismail Sabri Yaakob.

KUALA LUMPUR - Bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyifatkan tanggungjawab besar yang diberikan kepadanya dalam mengurus negara ketika situasi sukar ini sebagai satu penghargaan.

Dalam hantaran di Facebook, Ahli Parlimen Bera itu turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua pihak dan memohon maaf sekiranya ada kekhilafan sepanjang perkhidmatan beliau.

Beliau yang juga bekas menteri pertahanan pada masa sama berharap perjuangan melawan pandemik Covid-19 terus menjadi keutamaan semua ketika ini.

"Sama-sama kita doakan Malaysia terus makmur, aman dan sentosa," katanya menerusi hantaran terbaharu pada Isnin.

Hantaran itu dikeluarkan selepas Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan pelewatkan jawatan beliau selepas 17 bulan memegang jawatan sebagai perdana menteri kelapan.

Dalam perutusan khas yang disiarkan secara langsung menerusi televisyen, Muhyiddin turut mengumumkan pelewatkan jawatan 29 Menteri Kabinet kerajaan Perikatan Nasional (PN) termasuk Ismail Sabri yang merupakan menteri kanan sebelum ini.

Ismail Sabri yang juga Naib Presiden UMNO, mengangkat sumpah sebagai Menteri Pertahanan pada 10 Mac 2020, sebelum dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 7 Julai 2021. -Bernama

**GOLD IS ON
THE RUN
AGAIN**

+ 610 800 802

✉ ttf@ttfgroup.com

TERKINI | POPULAR

- 1 Pesawat tentera Afghanistan, helikopter ceroboh ruang udara...
- 2 Tiada varian Lambda dikesan di Malaysia
- 3 Malaysia dijangka mencapai status negara menua pada tahun...
- 4 Sidang DUN Kelantan diteruskan, ADUN perlu jalanjali ujian...
- 5 Mah Sing boleh capai sasaran jualan RM1.6 bilion pada 2021

TMGM
TRADE THE WORLD

**GOLD IS ON
THE RUN
AGAIN**

Start now

Investing in leveraged products carries high risks and is often suitable for off investors. Read the disclosure documents on our website.

Newsletter

Bentuk Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari.
Langgan Sekarang!

Email

Nama

 Saya telah memahami dan bersetuju

dengan Polisi Data Peribadi.

Langgan

TMGM
TRADE THE WORLD